

# Kelantan, Terengganu dapat bantuan RM100j

BH - 22/12/2022 w/s: 9

Peruntukan  
segera bantu  
ringan beban  
mangsa banjir

Oleh Rafidah Mat Ruzki,  
Rohaniza Idris  
dan Nor Fazlina Abdul Rahim  
bhnews@bh.com.my

**Pasir Mas:** Kerajaan Persekutuan mengumumkan bantuan segera RM100 juta kepada Kelantan dan Terengganu yang kini dilanda banjir teruk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika mengumumkan semalam berkata peruntukan itu bagi membantu mangsa banjir yang terjejas di dua negeri berkenaan.

“Memandangkan banjir lebih parah dari biasa, saya bersetuju selepas mengadakan perbincangan dengan Jemaah Menteri untuk meluluskan bantuan segera RM50 juta bagi Kelantan dan RM50 juta untuk Terengganu.

“Bantuan ini bagi membantu mangsa banjir memandangkan kebanyakan mangsa yang terkesan adalah golongan miskin,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Tengku Panglima Raja, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberi jaminan akan mempercepatkan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok di negeri ini yang mampu mengurang-



Anwar bertemu mangsa banjir ketika melawat PPS Tengku Panglima Raja, Pasir Mas, semalam. (Foto BERNAMA)

kan bencana banjir.

Beliau berkata, projek berkenaan akan dibuat secara rundingan terhad yang mampu mempercepatkan projek itu tanpa kos berlebihan.

“Saya memberi jaminan projek tebatan banjir bagi fasa 1 dan 2 di Kelantan dipercepatkan, namun tidak dibuat secara rundingan biasa atau rundingan terus.

“Berdasarkan pengalaman saya, projek rundingan terus akan membabitkan kos meningkat, jadi lebih baik melalui rundingan terhad sekiranya mahu mempercepatkan projek berkenaan.

“Justeru, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu menghantar segera laporan berhubung PLSB kepada Kementerian Kewangan. Saya beri jaminan akan percepat kelulusan sebaik laporan dihantar,” katanya.

Terdahulu, pada sidang media

selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya pagi semalam, Anwar berkata, mesyuarat Kabinet membincangkan isu bencana banjir yang melanda beberapa negeri khususnya Kelantan dan Terengganu yang semakin buruk.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang melawat Kelantan dan Terengganu baru-baru ini juga sudah memberikan laporan hasil ini pada mesyuarat Kabinet semalam.

## Pengurusan bantuan

Perdana Menteri berkata, turut dikemukakan pandangan berhubung pembabitan badan sukarela dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menguruskan soal kebajikan dari segi bantuan, manakala pembabitan lebih besar adalah daripada Angkatan Ten-

tera Malaysia (ATM).

Beliau berkata, kerajaan juga akan memanfaatkan beberapa kemudahan sedia ada untuk membantu pengurusan banjir dan bencana yang berlaku di Kelantan serta Terengganu.

Jumlah mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 32,089 orang sehingga 2.30 petang ini, berbanding 30,972 orang, pagi semalam.

Semua mangsa membabitkan 9,542 keluarga ditempatkan di 135 pusat pemindahan sementara (PPS) di lapan daerah iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Kuala Krai, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tanah Merah dan Tumpat.

Di Terengganu pula, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 40,456 orang daripada 11,097 keluarga berbanding 39,311 orang semalam daripada 10,937 keluarga malam kelmarin.